

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan pemulihan/membina semula Pasar Besar Taiping yang bersejarah (1884) secara terperinci termasuk reka bentuk yang bakal diguna pakai dan fungsi utama pasar tersebut selepas membina semula.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan pemulihan/membina semula Pasar Taiping berada dalam peringkat perolehan bagi pelantikan kontraktor yang dijangka akan dimuktamadkan pada Disember 2020. Kos projek tersebut adalah sebanyak RM9.7 juta dan dijangka siap pada awal tahun 2023.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Pembangunan Semula Pasar Taiping akan mengekalkan rekabentuk ciri-ciri warisan asal bangunan tersebut sebagai pasar pertama di Malaysia yang dibina pada tahun 1884 selaras dengan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pasar Taiping ini akan berfungsi sebagai tempat aktiviti perniagaan merangkumi pasar basah, pasar kering dan gerai makan serta memberikan kemudahan / fasiliti yang lebih moden kepada para peniaga dan pengunjung.

Sekian, terima kasih.